



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

**20**  
**24**



# RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI  
DI KAWASAN PARLIMEN

**P.095 TANJONG KARANG**

# Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI  
DI KAWASAN PARLIMEN

## **P.095 TANJONG KARANG**

---

**Penyunting Siri**

Nurul Syaza Mazelan

**Penulis**

Siti Noraiysah Rohim



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# ISI KANDUNGAN

## LAPORAN P.095 TANJONG KARANG (SELANGOR)

<b>Kata Pengantar</b> - Nur Rahmah Othman	I-II
<b>Pendahuluan</b> - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III-XV

### BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-9
------------------------------	-----

### BAHAGIAN B

#### Laporan Pemetaan Isu

1.0 Pengenalan	11
2.0 Pemetaan Isu	12-40
3.0 Pengutamaan Isu	41-45



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# KATA PENGANTAR

***Nur Rahmah Othman***

*Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat*

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

**Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid**

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3

<b>JILID</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>JUMLAH KAWASAN PARLIMEN</b>	<b>PENYELIDIK</b>
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>30</b>	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

### **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENDAHULUAN

***Nurul Syaza Mazelan***

*Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen*

***Siti Nur Ain Zakinuddin***

*Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur*

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidakadilan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.

Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebar kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT  
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG  
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.



**Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024**

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN- BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN- BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN- BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN-BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN- BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH- AMANAHAH	Nurul Syaza Mazelan

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN-BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

## PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisaan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

<b>STATUS INDIVIDU</b>		<b>KAUM MINORITI</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan B40 / miskin tegar</li> <li>2. Penduduk M40</li> <li>3. Orang kurang upaya (OKU)</li> <li>4. Ibu / Bapa tunggal</li> <li>5. Wanita</li> <li>6. Warga emas</li> <li>7. Belia</li> <li>8. Kanak-kanak</li> <li>9. Warga asing / Pelarian</li> <li>10. Tiada warganegara</li> <li>11. Ketua Isi Rumah</li> </ol>		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Komuniti Cina</li> <li>2. Komuniti India</li> <li>3. Komuniti Siam</li> <li>4. Orang Asli/Asal</li> <li>5. Komuniti Bugis</li> <li>6. Komuniti Iban</li> <li>7. Komuniti Kedayan</li> </ol>
<b>JENIS PEKERJAAN</b>		<b>PENDIDIKAN</b>
<b>Pertanian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petani</li> <li>2. Peladang/Peneroka</li> <li>3. Penoreh</li> <li>4. Penternak</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PIBG Sekolah</li> <li>2. Pelajar sekolah</li> <li>3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)</li> <li>4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)</li> </ol>
<b>Perikanan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nelayan laut</li> <li>2. Nelayan darat</li> </ol>	
<b>Perdagangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peniaga</li> <li>2. Penjaja</li> <li>3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)</li> <li>4. Pengusaha Homestay</li> </ol>	

<b>Perindustrian</b>	1. Pemilik kilang	<b>Organisasi / Persatuan</b>
<b>Perkhidmatan</b>	1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu- Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung	1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

### **PENEMUAN KESELURUHAN**

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan



Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gejala sosial</li> <li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li> <li>• Kos sara hidup yang tinggi</li> <li>• Keciciran Pendidikan</li> <li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li> <li>• Masalah banjir</li> <li>• Pencemaran air dan udara</li> </ul>
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li> <li>• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian</li> <li>• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani</li> <li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li> <li>• Penghijrahan ke bandar</li> <li>• Kos sara hidup yang tinggi</li> </ul>
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li> <li>• Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah</li> <li>• Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah</li> <li>• Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia</li> </ul>
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah banjir</li> <li>• Konflik hidupan liar dan manusia</li> <li>• Keciciran pendidikan</li> <li>• Kenaikan kos sara hidup</li> <li>• Kesukaran mendapatkan lesen nelayan</li> <li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li> </ul>
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah</li> <li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li> <li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li> <li>• Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan</li> <li>• Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien</li> </ul>

Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir</li><li>• Penyeludupan barang di sempadan</li><li>• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah</li><li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li><li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li><li>• Konflik pemilikan tanah</li><li>• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa</li><li>• Konflik manusia – hidupan liar</li></ul>
-----------------	---

# **BAHAGIAN A**

---

**LAPORAN**

**LAWATAN PEMETAAN ISU**

**P.095 TANJONG KARANG (SELANGOR)**

26-28 Februari 2024 (Isnin - Rabu)

## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

### HARI 1

1. Sesi Dialog bersama Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
2. Lawatan Tapak 1 ke Jalan Tok Adam, Bagan Pasir
3. Lawatan Tapak 2 ke Kompleks LKIM Kuala Selangor
4. Lawatan Taoak 3 MARDI Tanjong Karang
5. Sesi Dialog bersama Komuniti Nelayan
6. Lawatan Tapak 3 ke Jeti Perkampungan Cina Bagan Pasir

### HARI 2

7. Sesi Dialog bersama Komuniti Setempat
8. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Parit 2 Sungai Burung
9. Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Sungai Sireh Batu 11
10. Sesi Dialog bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
11. Sesi Dialog bersama Komuniti Warga Emas

### HARI 3

12. Sesi Dialog bersama Warga Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PPDK)
13. Sesi Dialog bersama Wanita dan Pertubuhan Perkumpulan (WI) di Kg Tali Air
14. Sesi Dialog bersama Wanita dan Ibu Tunggal di Kampung Bendang Gemilang

## PASUKAN PENYELIDIK



**Noraiysah Rohim**  
(Ketua Penyelidik)



**Hirzawati Atikah**



**Siti Shafina**



**Viknesh**

Dengan sokongan  
daripada  
**Ahli Parlimen  
Tanjong Karang,  
YB Dato' Dr.  
Zulkaferi Bin Hanapi**



## 16 Februari 2024

Nurul Syaza dan Aisyah telah menghadiri satu mesyuarat bersama Pegawai Daerah Kuala Selangor, Tuan Mohd Raiz. Sesi mesyuarat ini turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Tuan Tirmidzy dan 2 orang wakil dari Ahli Parlimen Tanjong Karang.

Kemudian satu mesyuarat berasingan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) Puan Mutiah, Pegawai Tadbir Puan Norafisah, Penghulu Mukim Jeram, En Rizan turut dilakukan.

Perbincangan ini terjurus kepada pengenalan APPGM-SDG, tujuan pihak APPGM-SDG ke lawatan pemetaan isu di Parlimen Tanjong Karang. Tarikh lawatan tapak bagi Parlimen Tanjong Karang adalah 26 sehingga 28 Februari. Pegawai Daerah juga telah bersetuju untuk mewakilkan Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) dalam mempengerusikan inter-agensi bagi Parlimen Tanjong Karang pada tarikh yang akan ditetapkan kelak.





## 1. Sesi Dialog bersama Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

FGD 1 dihadiri oleh wakil pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Kg. Sungai Gulang-Gulang. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** ketiadaan barang mentah yang mengganggu pembuatan produk IKS **(2)** kos bahan mentah yang semakin meningkat dari hari ke hari **(3)** kekurangan promosi produk IKS di Parlimen Tanjong Karang **(4)** penyalahgunaan dadah yang juga merupakan kawasan panas (*hotspot*).



## 2. Lawatan Tapak 1 ke Jalan Tok Adam, Bagan Pasir

Para penyelidik dibawa melawat kawasan jalanraya yang rosak, menghubungkan Kg Tok Adam dan Pekan Tanjong Karang. Isu ini diketengahkan dan memerlukan perhatian agensi terbabit **(1)** tanah mendap mengakibatkan jalan runtuh di sebelah Sg. Tengi **(2)** walaupun sudah di baik pulih, tanah mendap masih kerap berlaku **(3)** jalan baru di baik pulih sejak Ogos 2024, tetapi kelihatan penghadang bahu jalan sudah berubah kedudukan.





### 3. Lawatan Tapak 2 ke Kompleks LKIM Kuala Selangor

Para penyelidik berpeluang melawat Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Selangor. Sesi lawatan ini dihadiri oleh Encik Kamarudin bin Yusuf yang merupakan Pengurus Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Selangor Kompleks LKIM Kuala Selangor. Beberapa isu berkaitan dengan nelayan di Parlimen Tanjung Karang diketengahkan **(1)** pencemaran air yang menyebabkan kekurangan habitat kerang/pembenihan kerang **(2)** kecurian kerang yang sering berlaku **(3)** struktur Jeti LKIM yang tidak sistematik - Jeti LKIM yang tidak digunakan sepenuhnya dikatakan struktur jeti yang tinggi, menyebabkan nelayan tidak membuat pendaratan di jeti tersebut dan hanya untuk nelayan yang berlesen.



### 4. Lawatan Tapak 3 ke MARDI Tanjung Karang

Para penyelidik berpeluang berjumpa dengan wakil MARDI iaitu Pengurus MARDI Tanjung Karang dan staff di Pejabat MARDI Tanjung Karang. Antara isu yang diketengahkan berkenaan petani sawah di Parlimen Tanjung Karang adalah **(1)** kecenderungan petani yang hanya menfokuskan pertanian sawah padi sebagai sumber sara hidup **(2)** Pembahagian baja subsidi kepada pesawah yang agak lewat **(3)** kos pesawah/input pertanian padi yang tinggi **(4)** perataan tanah yang tidak cekap - memberi kesan kepada pertumbuhan lalang, rumpai.





## 5. Sesi Dialog bersama Komuniti Nelayan

FGD 2 bersama dengan komuniti nelayan di Pasar Nelayan Kg Sungai Yu yang mana dihadiri oleh 3 orang peserta. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** bantuan kebajikan nelayan tidak menyeluruh **(2)** perubahan iklim memberi kesan kepada tangkapan ikan (tidak menentu) **(3)** penggunaan pukat harimau dan bubu naga terhadap hasil dan habitat hidupan air



## 6. Lawatan Tapak 4 ke Jeti Perkampungan Cina Bagan Pasir

Para penyelidik dibawa melawat jeti pendaratan hasil tangkapan di Perkampungan Cina Bagan Pasir. Hasil tinjauan mendapati keadaan sekitar perkampungan dan jeti tersebut dipenuhi dengan sampah sarap. Kawasan tersebut juga dikatakan adalah kawasan banjir.





## 7. Sesi Dialog bersama Komuniti Setempat

Sesi FGD 3 bersama Komuniti Setempat bagi DUN Sungai Burung. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** gejala sosial yang meningkat dan membimbangkan dalam kalangan anak muda - bermula dari umur 12 tahun sudah terlibat dengan penggunaan vape, rempit **(2)** masalah perumahan bagi komuniti India selepas keluar daripada estate **(3)** peluang pekerjaan yang sangat terhad **(4)** kos sara hidup yang tinggi.



## 8. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Parit 2 Sungai Burung

Sesi FGD 4 bersama Komuniti Kampung Parit 2 Sungai Burung dihadiri oleh wakil DUN Sungai Burung, komuniti petani dan wakil nelayan. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** kekurangan benih padi yang berkualiti **(2)** harga jualan padi yang tidak seragam **(3)** perubahan penjadualan penanaman padi oleh IADA memberi kesan negatif kepada tanah dan hasil padi **(4)** kesusahan dalam penjualan udang oleh nelayan sungai - hanya dijual kepada penduduk dan tidak ke kedai kerana harga yang ditawarkan rendah **(5)** nelayan sungai tidak layak mendapatkan bantuan nelayan disebabkan oleh ketiadaan lesen.





### 9. Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Sungai Sireh Batu 11

FGD 5 bersama Komuniti Kg Sungai Sireh Batu 11 ini telah dihadiri oleh kumpulan petani dan belia yang mana telah menyuarakan isu (1) kos input pertanian yang semakin meningkat (2) harga penjualan padi yang tidak seragam (3) perubahan iklim yang mengganggu penghasilan hasil padi (4) kekurangan modal bagi belia generasi ke 3 dan 4 dalam meneruskan pertanian padi (5) penjadualan baru mengurangkan kecekapan pengeluaran dan hasil padi (6) harga lantai padi yang terlalu rendah dan membebankan petani sawah.



### 10. Sesi Dialog bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)

FGD6 bersama pegawai-pegawai dari AADK Tanjung Karang telah diadakan yang mana menentengahkan isu kekurangan dana dalam membantu pelatih dalam membina kemahiran.





### 11. Sesi Dialog bersama Komuniti Warga Emas

FGD 7 bersama komuniti warga emas telah diadakan di Pusat Warga Emas (PAWE) Tanjong Karang yang telah dihadiri oleh Pengerusi, Penyelia dan Ahli PAWE. Beberapa isu telah diutarakan **(1)** ketiadaan bangunan hak milik PAWE sendiri **(2)** kekurangan dana dalam menjalankan produk pertanian sebagai pendapatan sampingan PAWE **(3)** kurang kolaborasi antara PAWE dan agensi lain dalam mendapatkan dana untuk kelestarian PAWE **(4)** perkhidmatan Klinik Kesihatan yang tidak mesra warga emas.



### 12. Sesi Dialog bersama Warga •Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK)

FGD8 bersama warga PPDK Tanjong Karang yang dihadiri oleh pengerusi, penyelia, petugas dan pelatih. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** elaun petugas yang berada di bawah gaji minimum **(2)** ketiadaan dana untuk aktiviti pelatih. Geran yang diberi hanya untuk kos operasi sahaja **(3)** ketiadaan fasiliti untuk aktiviti pembelajaran yang lengkap **(4)** tiada peluang pekerjaan kepada peserta PDK **(5)** kurang sokongan badan bukan kerajaan dan komuniti setempat dalam penglibatan aktiviti PDK.





### 13. Sesi Dialog bersama Wanita dan Pertubuhan Perkumpulan (WI) di Kg Tali Air

FGD 9 bersama golongan wanita yang terdiri daripada wakil koperasi, NGO, peniaga dan suri rumah telah mengutarakan beberapa isu, antaranya adalah **(1)** kesukaran dalam mendapatkan bantuan JKM **(2)** kesukaran dalam mempromosikan produk sabun keluaran koperasi **(3)** kos sara hidup yang tinggi **(4)** kekangan dalam sumber pendapatan - tiada pendapatan yang tetap **(5)** kebimbangan terhad warga asing yang memonopoli beberapa aktiviti ekonomi setempat



### 14. Sesi Dialog bersama Wanita dan Ibu Tunggal di Kampung Bendang Gemilang

FGD 10 dihadiri oleh kumpulan wanita dan ibu tunggal yang sangat aktif dalam aktiviti marhaban dan kemasyarakatan. Mereka mengutarakan isu **(1)** kos sara hidup yang tinggi **(2)** tekanan air paip yang rendah dan air tidak bersih **(3)** kesukaran mendapatkan minyak subsidi **(4)** ancaman hidupan liar **(5)** keadaan lampu jalan yang tidak diselenggara.

# **BAHAGIAN B**

---

## **LAPORAN PEMETAAN ISU**

P.095 TANJONG KARANG (SELANGOR)

## 1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Tanjong Karang ini diadakan dengan usahasama daripada YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia.</i></p>		 <p>YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi</p>																									
<b>Parlimen</b>	P 095																										
<b>Kawasan</b>	Tanjong Karang																										
<b>Negeri</b>	Selangor																										
<b>Jumlah penduduk</b>	<p>59,862 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>46,812</td> <td>78.2</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>7,782</td> <td>13.0</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>5,088</td> <td>8.5</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>239</td> <td>0.4</td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;"><b>JUMLAH KESELURUHAN</b></td> <td><b>59,862</b></td> <td><b>100.00</b></td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Sumber:</b> Statistik Subnasional Parlimen dan Dun - Parlimen Tanjong Karang Selangor, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.</p>			BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	46,812	78.2	2.	Cina	7,782	13.0	3.	India	5,088	8.5	4.	Lain_lain	239	0.4	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>59,862</b>	<b>100.00</b>
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																								
1.	Bumiputera	46,812	78.2																								
2.	Cina	7,782	13.0																								
3.	India	5,088	8.5																								
4.	Lain_lain	239	0.4																								
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>59,862</b>	<b>100.00</b>																								
<b>Kegiatan ekonomi utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pertanian: khususnya penanaman padi, yang menjadikannya salah satu kawasan pengeluaran padi utama di Selangor.</li> <li>● Aktiviti perikanan di kalangan penduduk yang tinggal berhampiran pesisir pantai.</li> <li>● Perkhidmatan</li> </ul>																										
<b>Pasukan kajian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Siti Noraiysah bt Rohim : Ketua Penyelidik &amp; Penulis Laporan</li> <li>2. Hirzawati Atikah Mohd Tahir : Pembantu Penyelidik</li> <li>3. Siti Shafina Sanusi : Pembantu Penyelidik</li> <li>4. Vikneswaran Sunderam : Pembantu Penyelidik</li> </ol>																										

## 2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 10 FGD dan 4 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Tanjong Karang dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor.

<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>
<b>26 Februari 2024,</b> Isnin	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog Bersama Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)</li><li>• Lawatan Tapak ke Jalan Tok Adam, Bagan Pasir</li><li>• Lawatan Tapak ke Kompleks LKIM Kuala Selangor</li><li>• Lawatan Tapak ke MARDI Tanjong Karang</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Nelayan</li><li>• Lawatan Tapak ke Jeti Perkampungan Cina Bagan Pasir</li></ul>
<b>27 Februari 2024,</b> Selasa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog Bersama Komuniti Setempat (Kg. Sg Terap &amp; Permatang)</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Kampung Parit 2 Sungai Burong</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Kampung Sirah, Batu 11</li><li>• Dialog Bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Kuala Selangor</li><li>• Dialog bersama Komuniti Warga Emas</li></ul>
<b>28 Februari 2024,</b> Rabu	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog Bersama Warga Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK)</li><li>• Dialog Bersama Golongan Wanita</li><li>• Dialog Bersama Kumpulan Wanita dan Ibu Tunggal</li></ul>
<b>1 April 2024,</b> Isnin	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog bersama agensi kerajaan</li></ul>

## PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<b>ISU SOSIAL</b>			
<p>Penyalahgunaan dadah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> <li>• Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanjung Karang terdedah kepada aktiviti penyalahgunaan dadah kerana adanya jeti-jeti yang mudah diakses.</li> <li>• Masalah penyalahgunaan dadah di kawasan ini melibatkan penduduk tempatan.</li> </ul>	<p><b>Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kuala Selangor:</b></p> <p>Statistik bagi 4 mukim di Kuala Selangor, Mukim Tanjung Karang mencatatkan kes tertinggi di Kuala Selangor dengan jumlah 60 daripada 194 orang penagih.</p> <p>Bagi kawasan Kuala Selangor, kawasan yang dilabelkan sebagai kawasan zon panas untuk dadah adalah di Bagan Pasir, Tanjung Karang.</p> <p>Terdapat cadangan tindakan menukar kawasan pengawasan dengan menumpukan kawasan Tanjung Karang sebagai kawasan fokus.</p>



ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Sistem sokongan dan bantuan yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>Warga Emas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kekurangan peruntukan telah menghalang pelaksanaan aktiviti di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Tanjung Karang.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor:</b></p> <p>Perkara ini berkaitan dengan kepentingan dan tanggungjawab jawatankuasa dalam mencari dana luar dan tidak boleh terlalu bergantung kepada kerajaan untuk aktiviti yang berlebihan.</p> <p><b>Maklumbalas bertulis daripada JKM:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>PAWE merupakan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang menerima peruntukan daripada JKM iaitu sebanyak RM 50,000 disalurkan setiap tahun.</li> <li>Peruntukan yang diterima adalah untuk menampung perbelanjaan utiliti dan juga program yang dijalankan oleh PAWE.</li> <li>Sekiranya memerlukan tambahan kos program tersebut, PAWE yang mempunyai Jawatankuasa perlu memikirkan sumber kewangan luar bagi menampung program atau projek yang ingin dijalankan.</li> </ol>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<p>Tahap aksesibiliti perkhidmatan kesihatan untuk warga emas masih kurang memuaskan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Warga emas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketiadaan lorong khas bagi warga emas menyebabkan masa menunggu lama di Klinik Kesihatan Tanjong Karang.</li> </ul>	<p><b>Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor:</b></p> <p>Klinik Kesihatan Tanjong Karang ni adalah klinik mesra warga emas.</p> <p>Terdapat <i>fast lane</i> sebelum ini. Namun dihentikan kerana kesesakan pada laluan menunggu.</p> <p>Terdapat perbezaan antara warga emas yang masih aktif dan mampu berjalan dengan yang memerlukan sokongan seperti kerusi roda.</p> <p>Kepentingan menggunakan <i>online appointment</i> untuk mengurangkan masa menunggu.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Peningkatan gejala sosial dalam kalangan remaja	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Remaja</li> <li>● Belia</li> <li>● Pelajar sekolah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Terdapat kebimbangan mengenai penggunaan vape dalam kalangan remaja kerana ia mudah diperolehi.</li> <li>● Keberanian remaja kini menjadi cabaran besar bagi ibu bapa dan agensi berkaitan, terutama dalam usaha membanteras aktiviti lumba haram yang semakin meningkat dalam kalangan anak muda berusia bawah 20 tahun.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Kekurangan sistem sokongan kepada bekas penagih dadah/klien	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Klien AADK (bekas penagih dadah)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pihak AADK berhadapan dengan kekurangan peruntukan yang berterusan untuk aktiviti klien sebagai penjanaan pendapatan.</li> <li>● Kebolehpayaan klien (bekas penagih dadah) dalam pekerjaan sangat terhad.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Ketidakseimbangan antara elaun petugas dan caruman KWSP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PPDK)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesukaran membuat caruman KWSP disebabkan oleh gaji/elaun asas yang rendah.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor:</b></p> <p>Pada tahun 2024, petugas diwajibkan mencarum KWSP. JKM turut menunggu dasar kerajaan untuk meluluskan kenaikan elaun petugas PDK</p> <p><b>Maklumbalas bertulis daripada JKM</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kenaikan elaun pernah dibuat dari RM900 kepada RM 1200 oleh persekutuan. JKMNS dalam proses permohonan kepada negeri bagi menaikkan elaun penyelia dan petugas.</li> <li>2. Peruntukan untuk Mac 2024-Feb 2025 bagi PPDK Tanjong Karang adalah sebanyak RM235,213.30 merangkumi suguhati seorang penyelia, suguhati 5 orang petugas, elaun 35 orang pelatih dan utiliti RM500 sebulan selama setahun.</li> <li>3. Bagi menyelesaikan masalah tersebut pihak PPDK telah mengutip duit tabung sebanyak RM20.00 sebulan</li> </ol>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>setiap pelatih dan dipersetujui dalam Mesyuarat Agung 2024.</p> <p>4. Geran bantuan kewangan yang diberikan kepada PPDK hanyalah merangkumi kos operasi dan elaun-elaun penyelia, petugas dan pelatih. Bagi memenuhi keperluan yang lain seperti peruntukan bagi aktiviti-aktiviti pelatih, PPDK disarankan menggunakan duit sumbangan. Oleh yang demikian, sumbangan dari pihak luar, NGO dan sebagainya amatlah digalakkan bagi meneruskan proses pembelajaran pelatih tersebut serta menampung kos-kos pembaikan.</p>
Peruntukan PPDK yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PPDK</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peruntukan yang diberikan oleh JKM hanyalah untuk kos operasi sahaja.</li> <li>• Kesukaran mendapatkan sumbangan daripada masyarakat luar.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor:</b> Terdapat usaha daripada JKM dengan permohonan menaikkan elaun petugas PDK</p> <p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor:</b> Kepentingan dan tanggungjawab jawatankuasa dalam mencari dana luar.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kekurangan fasiliti di PPDK	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PPDK</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan bantuan dan alatan yang membantu pengajaran.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor:</b></p> <p>Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM235,013.20 untuk membayar elaun petugas dan juga pelatih pelatih PDK.</p> <p>Pihak pengurusan PDK perlu untuk memastikan segala keperluan adalah mencukupi dan mengikut kepada garis panduan telah ditetapkan oleh Kerajaan.</p>
Persaingan dengan warga asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ramai warga asing yang mula terlibat dengan sektor ekonomi seperti kedai runcit, pertanian.</li> </ul>	<p><i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i></p>
Kekurangan tong sampah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk kampung menghadapi masalah kekurangan tong sampah, dengan hanya dua tong yang kelihatan - satu di sekolah menengah dan satu lagi di Jalan Batu 10.</li> <li>• Jumlah tong sampah yang tidak mencukupi menyebabkan sampah bertimbun dan melimpah keluar, mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan.</li> </ul>	<p><i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kesukaran dalam memiliki atau menyewa rumah	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Komuniti India</li> <li>● Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Masalah perumahan bagi bekas pekerja <i>estate</i> yang memerlukan rumah mampu milik setelah keluar daripada <i>estate</i>.</li> <li>● Kos perumahan juga tinggi, dengan sewa bulanan mencecah antara RM600 hingga RM700, menjadikannya sukar bagi mereka untuk memiliki atau menyewa rumah sendiri.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Keadaan jalan raya tidak selamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Keadaan jalan raya yang sangat bahaya dan tidak mengikut piawaian yang sepatutnya. Sebagai contohnya keadaan jalan raya dari Kuala Selangor ke Tanjong Karang.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kerja Raya Kuala Selangor:</b> Jalan raya yang JKR sediakan adalah mengikut piawaian yang sedia ada dan setiap reka bentuk jalan raya akan di buat kajian terlebih dahulu mengikut pada kelajuan kenderaan yang akan melalui laluan tersebut</p>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>● Keadaan jalan raya tersebut juga telah menyebabkan banyak kecelakaan pengguna di jalan raya.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kerja Raya Kuala Selangor:</b> Terdapat kepentingan untuk mengenal pasti punca sebenar kemalangan dan tidak sekadar menyalahkan keadaan jalan semata-mata. JKR sentiasa mengambil langkah keselamatan yang menyeluruh, termasuk menetapkan had kelajuan yang sesuai bagi setiap jenis jalan, bagi mengurangkan risiko kemalangan.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kesesakan lalu lintas yang kritikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh lampu isyarat yang terlalu lama juga menyumbang kepada kesesakan jalan raya di Tanjong Karang.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kerja Raya Kuala Selangor:</b> Kesesakan lalulintas sering berlaku di Tanjong Karang terutamanya pada hujung minggu.</p> <p>JKR telah meletakkan timing di <i>traffic light</i> sebaik yang mungkin, untuk mengurangkan kesesakan tersebut.</p> <p>JKR juga bekerjasama dengan team IPD dan banyak kali dah bermesyuarat dengan team IPD untuk mengenal pasti timing yang sesuai di <i>traffic light</i>.</p>
Maklumat bantuan tidak sampai ke nelayan,	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maklumat daripada agensi berkaitan mengenai geran, bantuan, atau dana tidak sampai kepada nelayan.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Perikanan Negeri Selangor:</b> Sebarang bentuk bantuan/dana/geran daripada kerajaan akan disalurkan kepada kumpulan sasar yang benar-benar layak selepas melalui proses/prosedur yang telah ditetapkan.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Situasi ini berpunca daripada isu birokrasi dan amalan pemilihan yang berasaskan 'kroni' dalam proses tersebut.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Perikanan Negeri Selangor:</b> Bantuan-bantuan ini akan diumumkan melalui program-program yang dijalankan oleh pihak jabatan kepada kumpulan sasar.</p>



ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Kumpulan sasar seperti nelayan dialu-alukan untuk hadir ke pejabat perikanan daerah berhampiran untuk sebarang maklumat berkenaan bantuan</p>
<p>Tahap keselamatan jeti nelayan yang rendah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan Jeti Kg Sungai Yu menyatakan kebimbangan keselamatan di jeti, melibatkan kehilangan bot dan enjin, serta kekurangan lampu dan CCTV.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Perikanan Negeri Selangor:</b> Keselamatan harta benda seperti sampan dan enjin adalah tanggungjawab pemilik sampan/vesel.</p> <p>Sebarang kehilangan sampan/enjin perlu dilaporkan ke mana-mana balai polis berhampiran kerana ianya adalah melibatkan kehilangan/kecurian harta benda.</p> <p>Jabatan Perikanan Malaysia tidak mempunyai sebarang punca kuasa untuk menangkap mana-mana orang yang mencuri sampan/enjin milik nelayan.</p> <p>Kewujudan warga asing di kawasan yang diadakan perlulah dilaporkan kepada pihak berwajib yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Jabatan mencadangkan agar kumpulan nelayan mewujudkan sistem rondaan/kawalan di kawasan jeti/pangkalan nelayan secara giliran bagi mengelak sebarang kejadian kecurian berlaku. Pihak jabatan telah melantik Ketua Jaringan Perikanan (KJP) di setiap pangkalan nelayan</p>
<p>Kekurangan penyelenggaraan lampu jalan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat kerosakan lampu jalan di beberapa kawasan penting yang digunakan sebagai laluan alternatif, seperti di kawasan kunci air pada jambatan yang dibina oleh Datok Nuh Omar, serta di Parit 6 dan Parit 4.</li> <li>• Meskipun terdapat lampu jalan di beberapa lokasi, banyak yang tidak berfungsi atau rosak, menyebabkan kawasan tersebut gelap dan berbahaya.</li> </ul>	<p><i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i></p>
<b>ISU EKONOMI</b>			
<p>Kos sara hidup yang semakin meningkat</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peniaga</li> <li>• Pengusaha Industri Kecil dan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan harga bahan mentah berlaku secara mingguan, memberi tekanan kepada pendapatan peniaga dan Masyarakat.</li> </ul>	<p><b>Maklumbalas bertulis daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN):</b></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<p>Sederhana (IKS)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kos sara hidup ketika ini sangat tinggi, hampir kebanyakan barang utama mahal termasuk beras dan minyak.</li> <li>● Barang yang didapati juga sangat terhad.</li> <li>● Peningkatan tarif bil air dan elektrik</li> </ul>	<p>Kenaikan harga barang makanan adalah disebabkan kenaikan harga bahan mentah dunia.</p> <p>Kerajaan masih memberikan subsidi ke atas Minyak Masak Paket 1 kg (khas untuk pengguna / isi rumah) dan ianya boleh didapati di premis-premis runcit. KPDN telah mengeluarkan arahan kepada peruncit untuk membuat kawalan secara dalaman (antara 1 hingga 3 paket minyak masak 1 kg per pelanggan) bagi memastikan setiap pengguna dapat membelinya. Namun, masih terdapat kekurangan bekalan minyak masak walaupun kawalan ini dibuat kerana terdapat pembelian secara berulang dan panik oleh pengguna dan terdapat juga peniaga yang cuba menggunakan/membeli minyak masak paket untuk penghasilan produk mereka.</p> <p>Pihak KPDN sentiasa memantau kekurangan bekalan barang kawalan. Orang ramai / pengguna boleh menyalurkan maklumat dan salurkan aduan ke KPDN mengenai</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			kekurangan bekalan dan aduan tersebut akan disiasat dengan segera dan bantuan akan diberikan kepada pengguna, peruncit atau pemborong yang memerlukan stok bekalan barang-barang kawalan.
Kesukaran mendapatkan beras tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bekalan beras tempatan sukar didapati walaupun Tanjong Karang ini merupakan kawasan sawah padi</li> </ul>	<p><b>Maklumbalas bertulis daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN):</b> Beras adalah di bawah bidang kuasa Agensi Kawal Selia Padi dan Beras.</p>
Keterbatasan peluang ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Belia</li> <li>● Penduduk Setempat</li> <li>● Wanita</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kekurangan peluang pekerjaan yang baik dengan gaji setimpal di kawasan ini yang menyebabkan ramai berhijrah ke bandar besar untuk mendapatkan pekerjaan seperti Shah Alam.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Kesukaran mendapatkan bantuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Tanjong Karang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kesukaran mendapatkan bantuan JKM walaupun mereka telah membuat permohonan berulang kali, namun usaha tersebut tidak berjaya dan mereka masih belum menerima bantuan yang diperlukan.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor:</b> Setiap permohonan bantuan bergantung kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan sama ada layak menerima bantuan atau sebaliknya</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Tanjung Karang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjaga yang mempunyai ahli keluarga Orang Kelainan Upaya (OKU) menyatakan keperluan mendesak untuk bantuan <i>pampers</i> bagi meringankan beban penjagaan ahli keluarga OKU mereka.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor:</b>            Bagi keperluan <i>pampers</i> pihak JKM tidak menyediakan bantuan <i>pampers</i> dan klien telah disyorkan kepada pihak berkaitan seperti zakat dan PERKESO.</p>
Kekurangan informasi berkenaan bantuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wanita</li> <li>• Ibu Tunggal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketidaktepatan dalam syarat dan proses e-Kasih menyukarkan golongan yang memerlukan untuk memahami kelayakan mereka</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor:</b>            Program-program yang dijalankan oleh pihak JKM sering memberi penyampaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak JKM seperti kaunter bergerak ke beberapa kawasan tertentu.</p> <p>Penyampaian maklumat boleh diperolehi menerusi Pemimpin Tempatan yang akan menyampaikan sebarang maklumat berkenaan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Jabatan.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan maklumat dan kejelasan mengenai ketersediaan bantuan untuk golongan ibu tunggal dan anak yatim,</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor:</b>            Bantuan Ibu Tunggal boleh rujuk pihak Jabatan Pembangunan Wanita bagi permohonan bantuan yang bersesuaian.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>menyebabkan kekeliruan dalam kalangan mereka yang memerlukan.</p>	
<p>Cabaran penguatkuasaan dan gangguan aktiviti pukot tunda dan bubu naga terhadap nelayan tempatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan Jeti Kg Sungai Yu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan Zon A sering terganggu oleh aktiviti pukot tunda dan bubu naga yang menangkap sebahagian besar hasil tangkapan di kawasan tersebut.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Perikanan Negeri Selangor:</b> Jabatan Perikanan Negeri Selangor bersama dengan agensi penguatkuasaan maritim nasional (APMM dan Pasukan Polis Marin) sentiasa menjalankan penguatkuasaan terhadap pelanggaran Akta Perikanan 1985 dan peraturan-peraturannya.</p> <p>Berdasarkan rekod kes tangkapan Jabatan Perikanan Negeri Selangor pada tahun 2018 hingga 2024, sebanyak 13 kes tangkapan telah dibuat oleh penguatkuasa Jabatan Perikanan Negeri Selangor melibatkan vesel-vesel penangkapan ikan tempatan di parlimen Tanjong Karang yang mencero boh zon nelayan pantai. Kesemua vesel tempatan yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 telah dikompaun.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Sebagai rekod dari tahun 2019 hingga Mac 2024 sebanyak 5,320-unit bubu naga termasuklah dengan nilai rampasan RM 212,800 telah disita oleh pihak penguatkuasa Jabatan Perikanan Negeri Selangor bersama agensi penguatkuasa maritim nasional lain (APMM dan Pasukan Polis Marin) di parlimen Tanjong Karang.</p> <p>Jabatan Perikanan Malaysia dalam usaha meminda Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980 dengan menyenaraikan bubu naga ke dalam jadual peraturan tersebut.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nelayan Jeti Kg Sungai Yu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aduan mengenai isu ini telah dibuat berkali-kali, dan walaupun agensi berkaitan telah mengambil tindakan, kegiatan ini masih berlanjutan kerana adanya kumpulan 'tonto' dan pemasangan 'CCTV' yang memantau kawasan sekitar, menyebabkan tindakan penguatkuasaan sering menemui kegagalan.</li> </ul>	<p>Kumpulan tonto telah wujud sekian lama dan kumpulan tonto ini dipercayai telah dibayar oleh sindiket tertentu. Kumpulan tonto ini merupakan warganegara tempatan yang menyalurkan maklumat pergerakan unsur/aset milik Jabatan Perikanan Negeri Selangor serta Agensi Penguatkuasa Maritim Nasional yang lain. Kumpulan tonto ini akan menyebarkan maklumat pergerakan unsur/aset milik jabatan.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Jabatan Perikanan sentiasa melakukan tangkapan untuk sitaan terhadap bubu naga di sekitar Tanjong Karang terutamanya di Tengkorak.
Kos operasi laut tinggi tidak seimbang dengan hasil tangkapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan Jeti Kg Sungai Yu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hasil tangkapan yang diperoleh juga tidak stabil dan sering kali tidak mencukupi setelah ditolak dengan kos operasi setiap kali nelayan turun ke laut.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Ketiadaan benih padi berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani DUN Sungai Burong</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketika ini petani berdepan dengan masalah ketiadaan benih daripada pembekal.</li> </ul>	<b>Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor:</b> Masalah dari segi ketiadaan benih berlaku disebabkan oleh pesawah memilih varieti padi mereka sendiri.
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malahan petani-petani memberitahu bahawa kualiti benih pada musim lepas sangat cantik, namun kualiti benih pada musim terbaru ini sangat rendah dan tidak memuaskan.</li> </ul>	<b>Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor:</b> IADA tidak menumpukan kepada satu jenis benih padi sahaja kerana setiap varieti padi mempunyai ciri-ciri unik yang sesuai dengan pelbagai keadaan persekitaran, keperluan pasaran, dan cabaran pertanian. Dengan menawarkan pelbagai variasi, IADA dapat memenuhi keperluan petani yang berbeza,



ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			meningkatkan daya tahan tanaman terhadap penyakit dan perosak, serta memastikan kestabilan pengeluaran padi negara.
Kenaikan kos input pertanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani Kg. Sg. Burong dan Kg. Sawah Sempadan (DUN Sungai Burong)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isu kenaikan kos baja dan racun dialami di seluruh kawasan, dengan keluhan petani dari Sawah Sempadan, Sungai Burong, dan Pasir Panjang.</li> <li>• Petani menyatakan bahawa tiada kawalan harga, dan harga berbeza-beza setiap musim tanpa panduan tetap dari agensi seperti Jabatan Pertanian</li> </ul>	<p><b>Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor:</b></p> <p>Kenaikan input pertanian memang berlaku berpunca daripada peperangan Ukraine. Malaysia menerima kesan disebabkan oleh tahap kebergantungan terhadap barang mentah daripada sana untuk pembuatan baja dan racun.</p> <p>Berikutan dengan kenaikan harga input, terutamanya racun di peringkat global, petani terpaksa menanggung kos penanaman padi yang tinggi. KPKM telah ambil maklum berkaitan isu ini dan pihak KPKM melalui ucapan Perdana Menteri pada Majlis Sentuhan Agro Madani peringkat Negeri Perak pada 8 Ogos 2023 telah mengumumkan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dinaikkan daripada RM360 kepada RM 500 per metrik tan.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Harga lantai padi yang rendah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Petani Kg. Sg. Burong dan Kg. Sawah Sempadan (DUN Sungai Burong)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan yang terkesan adalah Sawah Sempadan di mana harga lantai RM1,300 dianggap terlalu rendah.</li> <li>Petani juga membandingkan harga dengan kawasan utara yang mencapai RM1,700, menyebabkan mereka meminta penyelarasan harga minimum.</li> </ul>	<p><b>Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor:</b> Pihak Kementerian telah pun menaikkan harga lantai padi pada 1 Januari 2024 yang lepas kepada RM1300 per tan. Sebelum ni adalah RM1200 per tan merupakan harga paku atau harga tetap.</p> <p>Bagi kawasan Sawah Sempadan Tanjong Karang mula menuai, harga padi yang ditawarkan oleh pesawah sekarang bermula RM1400 per tan dan akan terus meningkat ke RM1600 dan juga ke RM1800 per tan.</p>
Kos penjualan harga padi yang tidak seragam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Petani Kg. Sg. Burong dan Kg. Sawah Sempadan (DUN Sungai Burong)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Terdapat perbezaan harga penjualan padi antara di kawasan seperti Sawah Sempadan, Sungai Burong, dan Sungai Besar. Sebagai contohnya, harga penjualan ialah RM1,200 di Sawah Sempadan. Manakala, RM1,800 di Sungai Besar, yang menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan petani tempatan</li> </ul>	<p><b>Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor:</b> Di Sawah Sempadan Tanjong Karang bermula RM1400 sebab kilang-kilang padi baru sahaja menerima padi yang banyak, hasil tuaian daripada negeri Kedah. Jadi kilang-kilang kita bukan memproses padi di negeri Selangor sahaja dan akan membeli padi daripada seluruh Semenanjung Malaysia.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p><b>Maklumbalas bertulis dari IADA:</b>            KPKM telah menetapkan harga lantai sebanyak RM1,300/mt. Ketidakeragaman harga jualan hasil wujud kerana terdapat persaingan antara kilang dan IADABLS tiada punca kuasa untuk mengawal ketidakeragaman tawaran harga tersebut.</p>
Kesukaran mendapatkan benih padi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani Kg. Sg. Burong</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Di Tanjung Karang, khususnya di Sungai Burong, pesawah menyatakan benih padi berkualiti seperti MR269 sukar diperoleh, walaupun kawasan ini sepatutnya menjadi pusat pengeluaran benih utama</li> </ul>	<p><b>Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor:</b>            Masalah dari segi ketiadaan benih berlaku disebabkan oleh pesawah memilih varieti padi mereka sendiri</p>
Kelewatan pengedaran baja bersubsidi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani Kg Sawah Sempadan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawasan yang terjejas termasuk Sawah Sempadan di mana baja lambat tiba sehingga dua bulan, menyebabkan padi kekurangan nutrien dan mempengaruhi hasil tanaman secara keseluruhan</li> </ul>	<p><b>Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor:</b>            Kontrak NAFAS sebagai pembekal SBPKP tamat pada 31/12/2023. Kawasan Sawah Sempadan merupakan kawasan pertama yang menanam di Malaysia menyebabkan Surat Kelulusan Pembekalan lambat sedikit diperolehi dari KPKM. Bagi membantu petani di Tg Karang, NAFAS telah memohon Extension of Time (EOT) dan telah diluluskan</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>pada 22/1/2024 dan pembekalan mula dibuat pada 23/1/2024 untuk kawasan yang Jadual Penanaman Padi bermula pada 1/1/2024 dan telah selesai edaran.</p> <p>Tender kerajaan utk SBPKP setiap 3 tahun. KPKM perlu mengenalpasti dan membuat kelulusan sebelum tamat tempoh 3 tahun supaya pembekalan dapat dilakukan berterusan.</p>
<p>Perubahan penjadualan penanaman padi oleh IADA</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Petani Kg. Sg. Burong</li> <li>● DUN Sungai Burong</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Di Sungai Burong, perubahan jadual tanam yang diawalkan menyebabkan tanah tidak cukup rehat dan tidak kering sepenuhnya, menjadikan tanah terlalu lembik dan menurunkan hasil tanaman.</li> </ul>	<p><b>Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor:</b></p> <p>Perubahan Penjadualan Penanaman ini dibuat melalui Kajian Keberkesanan Kecekapan Air oleh Pakar dan pelaksanaan ini dikuatkuasa pada 1 Januari 2023 bagi memastikan agihan keperluan air dan mengambil kira semua skim pengairan agar mendapat bekalan air.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Keperluan menaiktaraf palong sawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani Kg. Sg. Burong</li> <li>• (DUN Sungai Burong)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawasan Sungai Burong mempunyai palong yang sangat lama dan sering pecah, menyebabkan kekurangan bekalan air yang mencukupi ke sawah di bahagian hujung kawasan tersebut.</li> </ul>	<p><b>Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor:</b> TASS 1-6 telah dinaiktaraf daripada palong konvensional kepada model baru yang lebih efisien. Seterusnya untuk TASS 7-TASS 12 sedang dalam proses pengambilan tanah dan telah lulus di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).</p> <p><b>Jabatan Pengairan &amp; Saliran Kuala Selangor:</b> Kehilangan air dalam palong disebabkan penggunaan off-take melebihi off-take sedia ada, tidak mengikut penggiliran sub-kawasan air bekalan, vandalisme dan sekatan sampah pertanian oleh petani.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setakat ini, palong hanya diselenggara dengan penampalan sahaja. Namun, hasilnya tetap tidak memuaskan, kerana kerosakan terus berulang dan palong kembali pecah.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Pengairan &amp; Saliran Kuala Selangor:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. JPS hanya menerima peruntukan bagi penyelenggaraan palong sahaja untuk setiap tahun.</li> <li>2. Vandalisme oleh petani masih berlaku setelah kerja penampalan telah dilaksanakan.</li> </ol>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>3. Projek bagi kawasan Sawah Sempadan sahaja buat masa ini dan kini dalam proses pengambilan tanah.</p>
Keadaan jalan ladang yang rosak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Sawah Sempadan.</li> <li>• Kampung Sungai Sireh.</li> <li>• (DUN Sungai Burong)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jalan ladang di Kg Sungai Burong dan Sawah Sempadan rosak teruk dan memerlukan baik pulih segera, kerana keadaan jalan yang berlubang menyukarkan pengangkutan hasil padi.</li> </ul>	<p><b>Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor:</b></p> <p>Sebarang aduan kerosakan boleh disalurkan kepada Ketua Blok untuk diangkat kepada IADABLS. Namun perkara ini bergantung kepada peruntukan tahunan yang diterima.</p> <p>Tambahan, pada pendapat IADABLS, Jalan Ban Pakat dan jalan ladang termasuk dalam kawasan pengezonan pertanian dan sepatutnya tidak berturap kerana ia akan mengalami kerosakan akibat kekerapan penggunaan jentera berat. Jika ianya berturap, ia akan memberi implikasi kewangan yang lebih tinggi untuk diperbaiki kelak.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p><b>Jabatan Pengairan &amp; Saliran Kuala Selangor:</b>  Penyelenggaraan dilaksanakan setiap tahun bergantung kepada agihan peruntukan MARRIS yang diterima.</p>
Penumbuhan keladi agas yang mengganggu tanaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Petani setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kawasan Sungai Burong terjejas dengan tumbuhan keladi agas yang menghalang pertumbuhan padi dan menyerap baja yang lebih banyak berbanding padi, menyebabkan padi tidak tumbuh dengan baik</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Masalah lumba haram	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk setempat</li> <li>● Belia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Aktiviti lumba haram kerap berlaku di kawasan simpang jalan utama Tanjong Karang, terutama pada malam minggu dan cuti sekolah, sehingga mengganggu ketenteraman penduduk tempatan</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Sistem perparitan yang memerlukan penyelenggaraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani</li> <li>• Penduduk Setempat (DUN Sungai Burong)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebelum ini, pihak JPS telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala, namun kini kerja penyelenggaraan tersebut tidak lagi dilaksanakan.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Pengairan &amp; Saliran Kuala Selangor:</b></p> <p>Untuk makluman, JPS melaksanakan kerja pembersihan parit sekali menggunakan jentera dan 4 kali setahun secara tebasan. Pembersihan secara tebasan ini dilaksanakan oleh pihak MPKK / JPKK setempat.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelenggaraan yang tidak sistematik telah memberi kesan negatif kepada sistem perparitan; sebagai contoh, parit dikorek tetapi sampah tidak dibuang di tempat yang sepatutnya, menyebabkan masalah aliran air terus berlaku.</li> </ul>	
<b>ISU ALAM SEKITAR</b>			
Perubahan cuaca	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan cuaca yang tidak menentu memberi impak kepada ekonomi nelayan.</li> <li>• Perairan Sungai Yu semakin cetek dan semakin jauh ke tengah, menyebabkan perubahan kedudukan alur air. Perubahan ini meningkatkan risiko bot terkandas di atas beting bagi nelayan yang kurang mahir dengan kawasan tersebut.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Pengairan &amp; Saliran Kuala Selangor:</b></p> <p>Perjumpaan bersama Ketua Pengkalan Jeti Sg Yu (En. Yasir Bin Mohammed) pada 26hb Mac 2024 mendapati beting pasir yang dimaksudkan berada di antara Muara Sungai Selangor Ke Laut. Kawasan tersebut adalah di luar kawasan penyelenggaraan JPS Kuala Selangor.</p>



ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani Kg Sungai Sireh dan seluruh DUN Sungai Burong</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keadaan cuaca yang tidak menentu telah menjejaskan hasil tanaman, menyebabkan pendapatan petani semakin merosot.</li> </ul>	<p><b>Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor:</b> Kemarau termasuk dalam senarai Bencana Alam yang layak mendapat bantuan dari Tabung Bantuan Tanaman Padi daripada Kerajaan. Walaubagaimanapun, kelayakan permohonan adalah berdasarkan pengesahan oleh Pegawai Pertanian Daerah, seterusnya diangkat ke mesyuarat di Peringkat Negeri dan Kebangsaan.</p> <p>Cadangan agar penyaluran bantuan dapat disegerakan sekurang-kurangnya seawal 6 bulan selepas bencana.</p>
Pencemaran air menjejaskan industri kerang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghasilan kerang berkurang disebabkan pencemaran air, namun punca pencemaran tidak jelas</li> </ul>	<p><b>Jabatan Perikanan Negeri Selangor:</b> Satu kajian telah dibuat oleh pihak SIRIM melibatkan kawasan di Parlimen Tanjong Karang pada awal tahun 2024. Hasil kajian oleh pihak SIRIM mendapati kawasan ternakan kerang di Parlimen Tanjong Karang mendapati kualiti air di kawasan tersebut masih lagi sesuai untuk ternakan kerang.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Perubahan struktur dasar laut di kawasan tersebut merupakan salah satu faktor yang menjadikan kawasan tersebut tidak subur untuk ternakan kerang.</p> <p>Jabatan Perikanan Negeri Selangor dalam usaha untuk menyuburkan semula kawasan kebun kerang di kawasan Parlimen Tanjung Karang. Kawasan-kawasan tersebut akan dikenal pasti terlebih dahulu sebelum usaha menyuburkan dasar kawasan tersebut dilakukan.</p>
Ancaman haiwan liar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Haiwan liar seperti monyet merosakkan tanaman dan program kawalan masih belum berkesan.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Perhilitan Selangor:</b></p> <p>PERHILITAN telah melaksanakan pelbagai strategi untuk menangani konflik manusia dan kera. Antaranya seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. program penakaian kera yang bermasalah di kawasan yang berisiko;</li> <li>2. kajian pemandulan kera;</li> <li>3. program pelupusan bersepadu kera bagi membasmi musuh tanaman;</li> <li>4. program perangkap komuniti dan kontrak khusus penangkapan kera kepada agensi swasta yang dilantik.</li> </ol>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Banjir kilat	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Di kawasan Kg Tali Air 1, banjir kilat berlaku berpunca daripada ketiadaan kerja penyelenggaraan bagi saliran perparitan sejak 20 tahun lalu.</li> <li>● Keadaan longkang yang kecil itu tidak mampu menampung kuantiti air.</li> </ul>	<p><b>Maklumbalas bertulis daripada JPS:</b></p> <p>JPS pohon maklumat terperinci seperti jenis parit, lokasi dan maklumat pengadu bagi siasatan dan tindakan selanjutnya.</p>
Gangguan bekalan air	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kg Sawah Sempadan,</li> <li>● Kg Baroh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tekanan air paip yang rendah dan kualiti air yang kurang memuaskan.</li> <li>● Hal ini memberi kesan kepada kemudahan hidup harian dan kesihatan keluarga.</li> <li>● Kg Sawah Sempadan terdapat kebocoran paip.</li> <li>● Kg Baroh, sepanjang minggu tersebut air tiada. Malahan gangguan elektrik turut berlaku.</li> </ul>	<p><b>Air Selangor:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tiada aduan yang dibuat.</li> <li>2. Aduan yang diterima hanya satu dua kawasan yang terlibat iaitu Kg Sawah Sempadan dan Kampung Masjid Baru.</li> <li>3. Kepentingan penduduk yang terjejas untuk membuat aduan berkenaan masalah air agar masalah dapat dikenal pasti dan diselesaikan dengan lebih berkesan.</li> <li>4. Air Selangor juga mencadangkan agar penduduk kampung menyediakan tangki atau kolah sebagai persediaan menghadapi gangguan bekalan air.</li> </ol>

### 3.0 PENGUTAMAAN ISU

#### PENGUTAMAAN ISU 1: GEJALA SOSIAL DAN PENYALAHGUNAAN DADAH

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia dan penduduk tempatan di Tanjong Karang</li> <li>2. Masalah sosial dalam kalangan remaja seperti penggunaan vape dan aktiviti lumba haram.</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengadakan program kesedaran untuk mencegah dan mengurangi gejala sosial</li> <li>2. Menjalankan program Kemahiran terhadap klien dalam komuniti yang sedang menjalani pemulihan di AADK</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> <li>• Klien AADK</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	Parlimen Tanjong Karang
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan Baik	<b>Sasaran 3.5:</b> Kuatkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan penggunaan alkohol yang berbahaya.

#### PENGUTAMAAN ISU 2: PEMBANGUNAN EKONOMI UNTUK GENERASI MUDA YANG TERHAD

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peluang pekerjaan yang terhad</li> <li>2. Keterbatasan modal dalam meneruskan atau memulakan aktiviti pertanian sebagai pekerjaan.</li> <li>3. Kos sara hidup yang meningkat, terutama harga bahan mentah dan bekalan yang terhad.</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengadakan satu program berbentuk kemahiran.</li> <li>2. Membuka satu program penjanaaan pendapatan yang boleh menarik minat belia dan penduduk setempat</li> </ol>

	3. Salah satu cadangan projek ialah Bengkel Membaiki Kasut dan Spa Kasut.
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> <li>• Petani</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	Taman Tanjung Karang
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	<p><b>Sasaran 1.1:</b> Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari</p> <p><b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak di semua peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional</p> <p><b>Sasaran 1.3:</b> Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030</p>
Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti	<b>Sasaran 4.3:</b> Menjelang 2030, pastikan akses sama rata untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi yang berpatutan dan berkualiti, termasuk universiti.
Matlamat 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi	<p><b>Sasaran 8.3:</b> Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi.</p> <p><b>Sasaran 8.4:</b> Meningkatkan secara progresif kecekapan sumber global dalam penggunaan dan pengeluaran sepanjang 2030, serta berusaha memisahkan pertumbuhan ekonomi daripada kemerosotan alam sekitar, selaras dengan Rangka Kerja 10 Tahun Program Penggunaan dan Pengeluaran Mampan dengan negara maju sebagai peneraju.</p>



	<b>Sasaran 8.5:</b> Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja yang sama nilainya
--	---

### PENGUTAMAAN ISU 3: KEMISKINAN

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesukaran wanita dan ibu tunggal berstatus B40 dalam penjanaan ekonomi.</li> <li>2. Informasi dan bantuan yang tidak sampai ke akar umbi.</li> <li>3. Kebolehpayaan untuk mendapatkan pekerjaan yang terhad.</li> <li>4. Kos sara hidup yang semakin tinggi</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mewujudkan satu program adalah berasaskan penjanaan ekonomi bagi golongan wanita dan ibu tunggal.</li> <li>2. Menyediakan sokongan untuk pekerjaan fleksibel atau dari rumah yang sesuai untuk wanita dan ibu tunggal yang perlu menguruskan keluarga.</li> <li>3. Menubuhkan pusat informasi bergerak di kawasan-kawasan terpencil untuk menyebarkan maklumat mengenai bantuan yang ada</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu tunggal</li> <li>• Wanita</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	Taman Desa Mawar Sg Yu, DUN Permatang dan Kg Sg Yu
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	<b>Sasaran 1.1:</b> Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari.

	<p><b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak di semua peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional.</p> <p><b>Sasaran 1.3:</b> Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030.</p>
Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti	<b>Sasaran 4.3:</b> Menjelang 2030, pastikan akses sama rata untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi yang berpatutan dan berkualiti, termasuk universiti.
Matlamat 5: Kesamarataan Gender	<p><b>Sasaran 5.5:</b> Memastikan penyertaan penuh dan berkesan wanita serta peluang yang sama untuk kepimpinan di semua peringkat membuat keputusan dalam politik, ekonomi dan kehidupan awam.</p> <p><b>Sasaran 5.a:</b> Melaksanakan pembaharuan untuk memberi wanita hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk harta lain, perkhidmatan kewangan, warisan dan sumber asli, selaras dengan negara. undang-undang.</p>
Matlamat 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi	<p><b>Sasaran 8.2:</b> Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan kepada sektor yang mempunyai nilai ditambah tinggi dan intensif buruh.</p> <p><b>Sasaran 8.3:</b> Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.</p>

**Sasaran 8.4:** Meningkatkan secara progresif kecekapan sumber global dalam penggunaan dan pengeluaran sepanjang 2030, serta berusaha memisahkan pertumbuhan ekonomi daripada kemerosotan alam sekitar, selaras dengan Rangka Kerja 10 Tahun Program Penggunaan dan Pengeluaran Mampan dengan negara maju sebagai peneraju.

**Sasaran 8.5:** Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja yang sama nilainya



# APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari**

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,  
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>